



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

**PENGENDALIAN KEMALANGAN
KENDERAAN JABATAN
JBPM/PS/10**

Disediakan Oleh:


TPjB Dato' Soiman Bin Jahid
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Operasi Kebommbaan
dan Penyelamat

Tarikh : 25.08.2014

Diluluskan Oleh:


Dato' Mahadi Bin Md.Ali
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)

Tarikh : 25.08.2014

NO. KELUARAN/PINDAAN:07

TARIKH: 25.08.2014

SALINAN TERKAWAL

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

PENGENDALIAN KEMALANGAN
KENDERAAN JABATAN
JBPM/PS/10

MUKA SURAT : 2 | 11
TARIKH : 25.08.2014

REKOD PINDAAN

BIL.	KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	BAHAGIAN / MUKA SURAT	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN
1.	02	01.03.2003	Keseluruhan Prosedur JBPM/PS/10	Pindaan dibuat adalah berdasarkan kepada perubahan MS ISO 9002:1994 kepada MS ISO 9001:2000 (versi baru).
2.	03	26.05.2005	Rekod Kualiti : Lampiran D Borang LKK 2/99 (Pindaan 2005)	Pindaan dibuat berdasarkan teguran Audit Pematuhan Oleh MAMPU pada 28.02.05 – 14.05.05
3.	04	18.04.2007	Tindakan dan tanggungjawab : Bil. 6.4 para 6.4.1 dan 6.4.2	Pindaan dibuat berdasarkan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil. 1/2006 bertarikh 21 November 2006.
4.	05	18.05.2010	Keseluruhan Prosedur JBPM/PS/10	Pindaan dibuat adalah berdasarkan kepada penambahbaikan.
5.	06	04.07.2012	Keseluruhan Prosedur JBPM/PS/10	Pindaan dibuat adalah berdasarkan kepada penambahbaikan.
6.	07	25.08.2014	Keseluruhan Prosedur JBPM/PS/10	Pindaan dibuat adalah berdasarkan kepada perubahan Perintah Tetap Operasi Bil. 2/99 kepada Perintah Tetap Jabatan Bil. 3/2013.



1. OBJEKTIF

Untuk menerangkan prosedur pengendalian kemalangan yang melibatkan kenderaan bomba dengan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan.

2. SKOP

Prosedur ini diamalkan dan digunapakai untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi mematuhi segala tindakan yang akan diambil sekiranya berlaku sesuatu kemalangan yang melibatkan kenderaan bomba.

3. RUJUKAN

- 3.1. WP 4.2 Tahun 2013 - Kemalangan yang melibatkan kenderaan kerajaan Malaysia.
- 3.2. Perintah Tetap Operasi Bil. 4/90 - Tugas dan Tanggungjawab Pemandu Terhadap Kenderaan/ Semasa Operasi dan Pemanduan yang Cepak dan Berhemat Tinggi
- 3.3. Perintah Tetap Jabatan Bilangan 3 Tahun 2013 - Kemalangan yang Melibatkan Kenderaan Jabatan
- 3.4. Arahan Perbendaharaan - Tatacara Pengurusan Stor
- 3.5. Arahan Perbendaharaan - Tatacara Pengurusan Aset.
- 3.6. JBPM/PS/05 - Penyelenggaraan Pembaikan Kenderaan Bomba/ Peralatan Kebombaan Berenjin.

4. DEFINISI

4.1 Jenis-Jenis Kemalangan Kenderaan

- 4.1.1 Kemalangan yang melibatkan kerosakan kenderaan jabatan (semasa operasi/ semasa latihan/ semasa pemanduan/ parkir di dalam premis jabatan).
- 4.1.2 Kemalangan yang melibatkan kerosakan kenderaan kerajaan dan kecederaan/ kematian kepada pemandu kenderaan.
- 4.1.3 Kemalangan yang melibatkan kecederaan/ kematian kepada pemandu/ penumpang pihak lain yang terlibat.
- 4.1.4 Kemalangan yang melibatkan kedua-dua pihak pemandu/ kenderaan kerajaan dan pemandu/kenderaan harta milik pihak lain yang terlibat.



4.2 Jawatankuasa Penyiasatan

Pegawai-pegawai JBPM/ Kementerian Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang dilantik oleh Pegawai Pengawal setelah menerima syor daripada pihak urusetia (Ibu Pejabat/ Bahagian Operasi Negeri)

4.3 Pasukan Penyiasat

Pegawai-pegawai kanan JBPM yang dilantik oleh Penolong Ketua Pengarah (Operasi) atau Pengarah Bomba Negeri untuk menjalankan siasatan ke atas kes-kes kemalangan yang melibatkan kenderaan bomba. Ketua Seksyen Pengurusan Operasi, Bahagian Operasi & Penyelamat, JBPM adalah bertindak sebagai urusetia dan bertanggungjawab menyelaras pelantikan pegawai-pegawai yang akan menganggotai Pasukan Penyiasat tersebut.

5. SINGKATAN

- | | | |
|------|---------|---|
| 5.1 | KP | - Ketua Pengarah |
| 5.2 | TKP (O) | - Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) |
| 5.3 | TKP (P) | - Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) |
| 5.4 | PKP (O) | - Penolong Ketua Pengarah (Operasi) |
| 5.5 | PBN | - Pengarah Bomba Negeri |
| 5.6 | TPBN | - Timbalan Pengarah Bomba Negeri |
| 5.7 | PPON | - Penolong Pengarah Operasi Negeri |
| 5.8 | KSP (O) | - Ketua Seksyen Pengurusan Operasi |
| 5.9 | PBK | - Pegawai Yang Diberi Kuasa |
| 5.10 | KB | - Ketua Balai |
| 5.11 | KJ | - Ketua Jabatan |
| 5.12 | PP | - Pengarah Pentadbiran |
| 5.13 | PKJ | - Pengarah Kejuruteraan Jentera |
| 5.14 | KBJN | - Ketua Bahagian Kejuruteraan Negeri |
| 5.15 | JKR | - Jabatan Kerja Raya |
| 5.16 | PB | - Pegawai Bomba |
| 5.17 | OPS | - Bahagian Operasi |
| 5.18 | KEJ | - Bahagian Kejuruteraan |
| 5.19 | PPs | - Pasukan Penyiasat |
| 5.20 | JWP | - Jawatankuasa Penyiasatan |

**6. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB**

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.1	Berlaku kemalangan	
6.1.1	Tindakan pemandu adalah seperti berikut: (Rujuk Perintah Tetap Jabatan Bil. 3/2013)	
6.1.1.1	Melaporkan kemalangan tersebut ke balai polis berhampiran dalam tempoh 24 jam.	PB/Pemandu/PBK
6.1.1.2	Setiap pemandu yang terlibat dengan kemalangan dikehendaki mengambil gambar-gambar di lokasi kejadian kemalangan tersebut.	PB/Pemandu/PBK
6.1.1.3	Mendapatkan Borang Laporan Kemalangan Kenderaan Kerajaan (AM 362A) daripada Pihak Polis (Lampiran A)	PB/Pemandu/PBK
6.1.1.4	Mendapatkan Borang Laporan Kemalangan Kerosakan (AM 362B) daripada Pihak Polis (Lampiran B) dan dihantar bersama kenderaan untuk pemeriksaan dan menilai kerosakan oleh pihak JKR.	PB/Pemandu/PPON
6.1.1.5	Memberikan laporan secara lisan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan bertulis dalam tempoh 24 jam kepada Ketua Jabatan dengan mengisi Laporan Awal Kemalangan Kenderaan Jabatan oleh Ketua Jabatan borang-LAKK 1/13 (Lampiran C)	PPON/KB
6.1.1.6	Sekiranya penumpang dan pemandu mengalami kecederaan, pengsan atau meninggal dunia, Ketua Jabatan/ Pegawai yang diberi kuasa adalah bertanggungjawab mengambil tindakan – tindakan di perenggan 6.1.1.1 sehingga 6.1.1.5.	KJ/PPON/KB/PBK



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENGENDALIAN KEMALANGAN
KENDERAAN JABATAN
JBPM/PS/10

MUKA SURAT : 6 | 11
TARIKH : 25.08.2014

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.1.2	Tindakan Pengarah Bomba Negeri atau Ketua Jabatan atau Pegawai Diberi kuasa. (Rujuk Perintah Tetap Jabatan Bilangan 3 Tahun 2013)	
6.1.2.1	Memberi laporan secara lisan kepada Penolong Ketua Pengarah (Operasi), Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Ketua Pengarah, JBPM dalam masa 24 jam selepas kejadian .	PBN/TPBN/PPON/ PBK
6.1.2.2	Ketua Bahagian Kejuruteraan Jentera Negeri hendaklah melaporkan dengan segera kepada Pengarah Kejuruteraan, JBPM juga dalam masa 24 jam .	KBJN
6.1.2.3	Laporan ringkas hendaklah dikemukakan dalam masa 24 jam selepas kejadian berlaku.	PBN/TPBN/PPON/ KJ/KBJN
6.1.2.4	Menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berlakunya kemalangan kepada Pegawai Undang-Undang Jabatan dan Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara Malaysia , maklumat-maklumat berkenaan adalah: i. Laporan Polis beserta gambar-gambar; ii. Borang Am 362 A iii. Borang Am 362 B iv. Borang LAKK 1/13 v. Borang LAKK 2/13 vi. Laporan Perubatan mangsa-mangsa kemalangan; dan vii. Maklumat-maklumat lain yang bersabit dengan kemalangan.	PBN/TPBN/PPON/ KJ/KBJN/PKJ/PBK

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.2	Menubuh Jawatankuasa Siasatan kemalangan Dalam melaksanakan urusan penyiasatan kemalangan kenderaan Jabatan, proses-proses yang berkaitan hendaklah di rujuk kepada Perintah Tetap Jabatan Bilangan 3/2013.	
6.2.1	Bagi Kejadian kemalangan kenderaan jabatan yang melibatkan kos pembaikan di bawah RM 20,000.00, satu Pasukan Penyiasat hendaklah ditubuhkan seperti berikut: i) Timbalan Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri (Pengerusi) ii) Penolong Pengarah Operasi Negeri/ Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai (ahli); dan iii) Ketua Bahagian Kejuruteraan Negeri (ahli)	PBN
6.2.2	Bagi kemalangan yang melibatkan kenderaan bahagian-bahagian di Ibu Pejabat/ Akademi Bomba & Penyelamat Malaysia/ Pusat-Pusat Latihan Bomba Regional (PLBR) i) Bagi kejadian kemalangan kenderaan jabatan yang melibatkan kos pembaikan di bawah RM 20,000/00. Satu Pasukan Penyiasat Kemalangan hendaklah ditubuhkan dan dilantik oleh Penolong Ketua Pengarah (Operasi), JBPM.	PKP (O)
6.2.3	Bagi kemalangan kenderaan Jabatan yang melibatkan kos pembaikan melebihi RM20,000.00, satu Pasukan Penyiasat yang terdiri daripada dua orang Pegawai Kanan dan seorang Pegawai Kanan Bahagian Kejuruteraan hendaklah ditubuhkan dan dilantik oleh Penolong Ketua Pengarah (Operasi)	PKP (O)
6.2.4	Ketua Seksyen Pengurusan Operasi, JBPM adalah bertindak sebagai urusetia dan bertanggungjawab menyelaraskan perantikan pegawai-pegawai yang akan menganggotai Pasukan Penyiasat tersebut.	KSP (O)



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

**PENGENDALIAN KEMALANGAN
KENDERAAN JABATAN
JBPM/PS/10**

MUKA SURAT : 8 | 11
TARIKH : 25.08.2014

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.3	Menjalankan Siasatan	
6.3.1	Pasukan Penyiasatan hendaklah memulakan siasatan dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan berlaku dan laporan hendaklah dikemukakan kepada Penolong Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam masa dua (2) minggu selepas tarikh siasatan selesai .	PPs
6.3.2	Borang Soal Siasat Kemalangan Bagi Pemandu jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Borang-SSKK (Lampiran E) sebagai panduan Penyiasatan Kemalangan diguna pakai.	PPs
6.3.3	Penyiasatan kemalangan kenderaan jabatan boleh juga menggunakan Borang Perakaman Keterangan Kemalangan Kenderaan bagi Saksi-Saksi iaitu Borang-PKKKS (Lampiran F) sebagai panduan penyiasatan kemalangan yang dijalankan.	PPs
6.3.4	Laporan Lengkap Pasukan Penyiasat Kemalangan yang disiapkan hendaklah mengandungi butiran-butiran seperti diperincikan di Lampiran G.	PPs
6.4	Tindakan Tatatertib	
	Merujuk kepada keputusan / syor jawatankuasa penyiasatan kemalangan atau keputusan Peguam Negara.	
6.4.1	Semua pemandu tidak dibenarkan sama-sekali membaiki apa-apa kerosakan terhadap kenderaan yang mengalami kemalangan.	PB/Pemandu
6.4.2	Semua pemandu yang terlibat dengan kemalangan boleh didakwa di Mahkamah bersabit kesalahan jalanraya.	
6.4.3	Tindakan Tatatertib boleh juga diambil ke atas pemandu yang didapati bersalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.	



BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.5.	Tindakan Pembaikan Kenderaan Bomba Tindakan pembaikan merujuk kepada prosedur pembaikan JBPM/PS/05 diambil selepas : 6.5.1 Siasatan telahpun selesai dijalankan oleh pasukan penyiasat kemalangan peringkat Ibu Pejabat JBPM atau peringkat Ibu Pejabat JBPM Negeri. Laporan siasatan hendaklah dimajukan kepada PKP (O), TKP (O) dan KP. 6.5.1.1 Bagi kes kemalangan yang siasatannya dijalankan oleh Pasukan Penyiasat peringkat Ibu Pejabat JBPM, pemakluman secara bertulis kepada JBPM Negeri-Negeri/ Bahagian-Bahagian akan diberikan oleh urusetia siasatan peringkat Ibu Pejabat. 6.5.2 Sekiranya akibat kemalangan itu akan menimbulkan sebarang tuntutan terhadap atau oleh kerajaan, kebenaran Polis hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembaikan kenderaan Kerajaan yang rosak itu dilaksanakan. 6.5.3 Dalam keadaan di mana tidak timbul sebarang tuntutan terhadap atau oleh kerajaan, Ketua Jabatan bolehlah memperbaiki kenderaan Jabatan yang rosak itu dengan segera tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran pihak Polis.	PBN/TPBN
6.6.	Tindakan Pelupusan 6.6.1. Sekiranya kenderaan tersebut disyorkan untuk pelupusan oleh pihak JKR, tindakan pelupusan hendaklah dibuat mengikut: i) Tatacara Pengurusan Stor ii) Tatacara Pengurusan Aset	KB/TPBN/PKJ/PP

**7. REKOD KUALITI**


Bil.	Jenis Rekod	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
7.1	Lampiran A-AM 362A	Pejabat : KEJ, OPS, PBN	5 Tahun
7.2	Lampiran B-AM 362B	Pejabat : KEJ, OPS,PBN	5 Tahun
7.3	Lampiran C-LAKK 1/13	Pejabat : KP, TKP(OPS), PBN, KEJ, OPS	5 Tahun
7.4	Lampiran D-Borang LAKK 2/13 (Pindaan 2013)	Pejabat : OPS, KEJ	5 Tahun
7.5	Lampiran E-SSKK	Pejabat: OPS (Negeri & IP), PBN	5 Tahun
7.6	Lampiran F-PKKKS	Pejabat: OPS (Negeri & IP), PBN	5 Tahun



8. LAMPIRAN

- | | | |
|-----|--|------------|
| 8.1 | Carta Aliran Pengendalian Kemalangan Kenderaan Bomba | Lampiran 1 |
| 8.2 | Carta Aliran Prosedur Tatatertib / Surcaj – Untuk Kes Kemalangan | Lampiran 2 |

**CARTA ALIRAN
PENGENDALIAN KEMALANGAN KENDERAAN BOMBA**



**CARTA ALIRAN
PROSEDUR TATATERTIB / SURCAJ UNTUK KES KEMALANGAN**

